

Larangan berkempen langkah

UM - 6 JAN 2000

34

Oleh ZULKIFLI JALIL

ANALISIS Berita

PRESIDEN UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah merasai penangan gejala politik wang. Isnin lalu beliau sekali lagi mengingatkan bahaya percaturan politik wang sekiranya dibenarkan mendominasi perwakilan sepanjang empat bulan ini menuju pemilihan parti pada 11 Mei.

Dr. Mahathir menyedari bahaya politik wang, lantas memberi amaran kepada mereka yang akan bertanding jawatan Naib Presiden dan Majlis Tertinggi, walaui ia 'diperlembutkan' dengan menghendaki mereka menyertai pertandingan 'secara tertib bersopan tanpa menggunakan wang.'

Beberapa pindaan Perlembagaan UMNO sepan-

jang 10 tahun kebelakangan ini, dan yang terakhir pada 1998, berkaitan usaha berterusan untuk membendung gejala terbabit yang berpaksi kepada "permintaan dan penawaran".

Pencalon

Dengan harapan tinggi untuk mengikis gejala politik wang, Perhimpunan Khas UMNO pada 13 Disember 1998 meluluskan 10 undi akar umbi (dikena-li undi bonus) - bagi setiap pencalonan untuk calon bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presi-

Undi akar umbi itu kemudiam digantikan dengan sistem peratusan iaitu calon Presiden (perlu mendapat 30 peratus pencalonan dari bahagian-bahagian); Timbalan Presiden (20 peratus), Naib Presiden (10 peratus) dan Majlis Tertinggi (MT) sebanyak lima peratus.

Biarpun pemerhati ketika itu berpendapat undi akar umbi sudah membantu kemenangan di atas kertas (berikutan pencalonan bagi dua jawatan tertinggi itu diterjemahkan kepada 10 undi ketika pemilihan sebenar dibuat), Dr. Mahathir sendiri pernah mengutarakan keke-

cewaan selepas pemilihan parti 1987 kerana sistem itu sendiri tidak mampu mencantas politik wang.

"Saya berasa cukup sedap kerana 80 peratus daripada perwakilan (bahagian) dapat kepada saya tetapi apa yang berlaku ialah saya hanya menang dengan majoriti 40 undi, sedangkan lawan saya awalnya hanya mendapat 20 peratus," kata Dr. Mahathir yang hairan ke mana perginya undi yang menyebabkan beliau hampir tewas.

"Rupanya-rupanya dalam bilik air dan tandas mereka terima duit. Mereka ke Kuala Lumpur untuk menjual undi saya dan saya hampir-hampir kalah," tegas beliau.

Realitinya, pendirian MT kelmarm supaya jawatan Presiden dan Tim-

wajar menangani politik wang

balan Presiden tidak dipertandingkan diharap dapat membendung penyalahgunaan wang daripada berleluasa "hanya semata-mata untuk menggulingkan pemimpin yang memperoleh mandat parti."

UMNO juga pasti "tidak mahu" melihat ahli biasa seperti Yob Tajuddin K. Ismail dari Lembah Pantai yang bertanding bersama enam lagi pemimpin popular parti bagi merebut jawatan Naib Presiden semata-mata atas sebab peribadi.

Demi menangani politik wang, UMNO terpaksa menguatkuasakan bermacam peraturan termasuk larangan berkempen.

Larangan berkempen pernah diuatkusakan oleh MT pada pemilihan 1996. Ketika itu liputan

media terhadap calon yang membabitkan kegiatan parti turut dilarang kerana bimbang dikategorikan sebagai berkempen.

Larangan ketat berkempen pada 1996 itu menyebabkan enam calon pemilihan MT digugurkan daripada pertandingan dan larangan berkempen itu dikuatkuasakan sehingga saat-saat akhir pemilihan.

Berkempen

Malah dalam pemilihan peringkat bahagian pada awal 1998, ahli UMNO ditegah menjadikan majlis terbuka puasa atau rumah terbuka sempena Aidilfitri sebagai medan berkempen.

Politik wang tidak memilih 'bulu', masa dan tempat. Bagaimanapun bekas Timbalan Presiden

UMNO, Tun Ghafar Baba, ketika diwawancara oleh *Utusan* dua tahun lalu mengangap mereka yang terbabit dalam politik wang hanya sekadar bergiat secara "skim nyamuk" atau secara kecil-kecilan.

Beliau cuma tidak menyangkal gejala ini begitu hebat berlaku vada pemilihan 1993, yang menyaksikan beliau tewas teruk, ditambah penangan undi bonus? kepada seorang pemimpin parti.

"Saya tahu ketika itu gejala politik wang amat berleluasa," tegas Ghafar.

Ketika pencalonan bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO diumumkan pada 12 Oktober 1993, Ghafar menarik diri kerana secara automatik lawannya sudah meraih 1,430 undi sedangkan beliau hanya mendapat 70 undi.

Hakikatnya, politik wang tidak akan dapat dihapuskan sepenuhnya kecuali wujud keinsafan di kalangan ahli.

Ketegasan Dr. Mahathir membasmi gejala ini diperlihatkan beliau pada 1996. "Kita tetap mengambil tindakan lebih keras terhadap calon yang mengamalkan politik wang walaupun kerana tindakan itu, kita tidak popular.

Mungkin amaran Presiden UMNO pada ketika itu boleh diguna pakai pada pemilihan parti 11 Mei ini.

"Jika dia menang (kerana mengamalkan politik wang) dan kita dapati dia bersalah bermakna dia menang kerana melakukan sesuatu yang curang.

"Maka dia tidak layak dan jawatannya perlu dikosongkan," tegas Dr. Mahathir.